

## PANDUAN BORANG 2

1) Di ruangan (1), sila pilih jenis kad pengenalan yang dimiliki oleh pekerja dengan memasukkan kod seperti di bawah :

Bil.	Jenis Kad Pengenalan	Kod
1	KPPN Baru	B
2	KPPN Lama	L
3	Kad Pengenalan Tentera	T
4	Kad Pengenalan Polis	P
5	Penduduk Tetap	PR
6	Nombor Keselamatan Sosial	SSN

*Pekerja yang tidak memiliki kad pengenalan seperti di atas, dikehendaki datang sendiri ke pejabat PERKESO yang berdekatan untuk pendaftaran Nombor Keselamatan Sosial (SSN) . Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan gambar terkini berukuran passport dan dan apa-apa dokumen sokongan yang mengesahkan kewarganegaraan pekerja (cth : sijil kelahiran pekerja, sijil perkahwinan ibu bapa, surat pengesahan dari ketua rumah panjang).*

2) Di ruangan (6), sila pilih salah satu kod bangsa seperti berikut :

BIL	KOD	KETERANGAN
1	01	Melayu
2	02	Cina
3	03	India
4	04	Bumiputera Sabah
5	05	Bumiputera Sarawak
6	06	Lain-lain

3) Di ruangan (9), tandakan (/) hanya kepada pekerja yang pertama kali mencarum dengan PERKESO.

4) Di ruangan B : Hendaklah dilengkapkan oleh majikan / Wakil majikan yang diberikuasa.